

Diberi tempoh 14 hari untuk merayu jika rasa langkah pemecatan tidak adil

**PKR pecat Khalid serta-menta**

**PETALING JAYA** - Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengumumkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dipecat daripada parti itu berkuat kuasa serta-merta semalam.

Pengerusi Lembaga Disiplin PKR, Datuk Dr. Tan Kee Kwong berkata, tindakan Abdul Khalid mengingkari keputusan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR mencalonkan Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Menteri Besar baharu sudah cukup untuk meyakinkan beliau dipecat.

"Beliau turut membuat kenyataan media pada 22 Julai lalu menyatakan enggan meletak jawatan Menteri Besar dan sehingga hari ini (semalam) masih enggan melepaskan jawatan tersebut.

"Bagaimanapun, Abdul Khalid mempunyai masa 14 hari dari tarikh terima surat makluman pemecatan keahlian untuk membuat rayuan dan MPP akan menubuhkan sebuah jawatankuasa berasingan untuk mendengar rayuan itu," katanya selepas mesyuarat MPP PKR di sini semalam.

Hadir sama, Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifudin Nasution Ismail dan Ahli Parlimen Subang, R. Sivarasa.

Keputusan itu bagaimana pun hanya melibatkan keahlian Abdul Khalid dalam PKR dan tidak mengubah kedudukannya sebagai Menteri Besar Selangor selagi tidak dititahkan Sultan untuk meletak jawatan atau dipecat Dewan Undangan Negeri.

Selain enggan meletak jawatan, Lembaga Disiplin PKR turut mengambil kira Abdul Khalid ingkar keputusan Majlis Presiden Pakatan Pembangkang untuk menangguhkan perbincangan projek Langat 2 dan kenaikan



**IMBAS KEMBALI.** Abdul Khalid ketika mengangkat sumpah Menteri Besar Selangor buat penggal kedua di Istana Alam Shah, Klang pada 14 Mei 2013.

*kosmo 10/2/14 MS2 -*



**WAN AZIZAH**

elaun Speaker, Menteri Besar, Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor.

Abdul Khalid juga didakwa berkeras meneruskan projek Lebuh Raya Kinrara-Daman-sara (Kidex), gagal memberi penjelasan isu pelupusan hutang beliau dengan Bank Islam bernilai RM70 juta dan gagal mematuhi keputusan melibatkan Jawatankuasa Penstrukturan Air Selangor

dalam isu penstrukturan aset air Selangor.

Dalam pada itu, Saifudin memaklumkan jika Abdul Khalid membuat rayuan, proses merayu akan diaktifkan mengikut perlembagaan parti yang akan dimaklumkan langkah-langkahnya bila sampai masanya.

"Tindakan undi tidak percaya ataupun Sultan titah beliau berhenti belum berlaku tetapi tindakan pecat ini penting untuk jelaskan status Abdul Khalid.

"Bola kini di tangan Abdul Khalid, jika beliau sayang rakyat Selangor, turun cepat dan bantu proses peralihan Menteri Besar baharu," ujarnya.

Beliau turut menafikan timbul isu dengan Pas kerana keputusan PKR itu hanya melibatkan keahlian Abdul Khalid dan tiada perubahan dalam status gabungan tiga parti dalam Pakatan Rakyat.

Sementara itu, Sivarasa berkata, undang-undang tubuh negeri jelas menunjukkan Abdul Khalid sudah tiada sokongan majoriti khususnya daripada PKR dan DAP.

"Pada pendapat saya, jelas

## INFO Kronologi pemecatan Menteri Besar Selangor daripada PKR

■ **21 Julai 2014** - Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) telah membuat keputusan sebulat suara Presiden PKR, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail akan menjadi Menteri Besar Selangor yang baharu.

■ **22 Julai 2014** - Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah membuat kenyataan akhbar enggan meletak jawatan Menteri Besar.

■ **5 Ogos 2014** - Majlis Syura Ulamak Pas memutuskan untuk mengekalkan Abdul Khalid sebagai Menteri Besar Selangor.

■ **6 Ogos 2014** - Lembaga Disiplin PKR mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Abdul Khalid atas dakwaan ingkar keputusan MPP parti berhubung pertukaran Menteri Besar Selangor.

■ **9 Ogos 2014** - MPP PKR membuat keputusan memecat Abdul Khalid daripada parti itu ekoran tindakan Menteri Besar itu yang enggan meletak jawatan.

beliau tiada lagi sokongan majoriti ADUN-ADUN di Selangor dan tidak memenuhi syarat jawatan Menteri Besar.

"Oleh itu, beliau tiada pilihan selain meletak jawatan Menteri Besar serta-merta dan serah surat lepas jawatan kepada Sultan Selangor," tegasnya.

Beliau juga berpendapat proses pemecatan keahlian itu dilaksanakan mengikut tertib dan tidak perlu penangguhan ke 15 Ogos depan seperti diminta Abdul Khalid.

Hal ini adalah kerana surat jawapan Menteri Besar itu sebelum ini menunjukkan keingkaran terbuka terhadap keputusan parti.